

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. IR. TS. DR. MOHAMAD HAFIZ
MAMAT
TIMBALAN REKTOR
PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

**MEWAKILI
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
PERASMIAN COLLABORATIVE COMMUNITY
RESEARCH, EDUCATION, AND TECHNOLOGY
EXCHANGE SYMPOSIUM 2025 (CO-CREATES
2025)**

**18 NOVEMBER 2025 | SELASA | 9.00 PAGI
BILIK SEMINAR 2, PTAR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYA IWAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

Barisan Pengurusan Eksekutif UiTM Cawangan
Selangor

Para pegawai Bahagian Penyelidikan dan Inovasi,
UiTM Cawangan Selangor

Seterusnya tuan-tuan, puan-puan para hadirin yang
saya hormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya dapat kita berkumpul pada pagi ini di **Mini Symposium Collaborative Community Research, Education, and Technology Exchange Symposium 2025 (Co-CREATES 2025)**
2. Terlebih dahulu, mewakili **YBrs. Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir.
3. Saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada **Bahagian Penyelidikan dan Inovasi UiTM Cawangan Selangor** atas penganjuran program ini, yang menghimpunkan para penyelidik, pendidik, pelajar, serta rakan komuniti dan industri bagi memperkukuh jalinan ilmu dan kolaborasi strategik.

4. Penganjuran Co-CREATES 2025 amat bertepatan dengan aspirasi UiTM untuk memperkukuh budaya penyelidikan berimpak tinggi, berteraskan kolaborasi rentas disiplin dan komuniti.
5. Saya yakin inisiatif ini menjadi wahana penting untuk mengetengahkan hasil penyelidikan dan inovasi yang bukan sahaja menyumbang kepada perkembangan akademik, tetapi juga memberi manfaat nyata kepada masyarakat dan pembangunan negara.
6. Saya juga percaya, melalui platform ini, para penyelidik berpeluang berkongsi hasil kajian, bertukar pandangan, serta membina rangkaian strategik yang mampu menghasilkan penyelesaian kreatif bagi cabaran sebenar masyarakat dan industri.

Hadirin yang dihormati,

7. Kejayaan sesuatu penyelidikan kini lebih dilihat melalui kemampuan untuk berkolaborasi, berinovasi, dan berkongsi kepakaran.
8. Justeru, Co-CREATES 2025 menjadi simbol semangat “collaboration in action”, di mana komuniti akademik, industri, dan masyarakat bersatu dalam satu ekosistem ilmu yang dinamik.
9. Sebagai sebuah kampus berteraskan penyelidikan, UiTM Cawangan Selangor sentiasa komited memperkukuh ekosistem penyelidikan, pendidikan, dan inovasi, selaras dengan agenda nasional dan aspirasi Malaysia MADANI, bagi membentuk komuniti UiTM yang berpengetahuan, sejahtera, dan berdaya saing di peringkat global.
10. Saya berharap simposium ini menjadi platform subur bagi idea-idea baharu berkembang, sekaligus membuka peluang kolaborasi lebih luas pada masa hadapan.

11. Jadikan pertemuan ini bukan sekadar perkongsian ilmu, tetapi permulaan kepada tindakan dan impak nyata terhadap pembangunan masyarakat dan negara.
12. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa penganjur, para penyelidik, pembentang, peserta, dan rakan strategik yang menjayakan Co-CREATES 2025.
13. Semoga simposium ini mencapai objektifnya dan menjadi pemangkin kepada budaya penyelidikan dan inovasi berterusan di UiTM.

Ilmu tumbuh bak benih padi,
Idea disemai bertunas rapi;
Kajian dijalankan penuh teliti,
Kolaborasi terjalin, manfaat menanti.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**